

Bil. S 6

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH AKTA INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Penggantian gelaran panjang Penggal 214
3. Pindaan bab 1
4. Pindaan bab 2
5. Pindaan bab 3
6. Pindaan bab 9
7. Pindaan bab 28
8. Pindaan Jadual
9. Pindaan Akta
10. Perkecualian kontrak dll.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Institut Teknologi Brunei (Pindaan), 2017 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Mac 2016.

Penggantian gelaran panjang Penggal 214

2. Gelaran panjang Akta Institut Teknologi Brunei, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dimansuhkan dan digantikan dengan gelaran panjang baru yang berikut —

“Suatu Akta untuk menubuhkan sebuah universiti yang dikenali sebagai Universiti Teknologi Brunei dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya”.

Pindaan bab 1

3. Bab 1 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Institut” dan menggantikannya dengan “Universiti”.

Pindaan bab 2

4. Bab 2 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong takrifan “Institut” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan itu dalam susunan abjad yang berkenaan —

“ “Universiti” bermakna Universiti Teknologi Brunei yang ditubuhkan di bawah bab 3(1).”;

(b) dalam takrifan “Menteri”, dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan koma bernoktah.

Pindaan bab 3

5. Bab 3 dari Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(1) Maka dengan ini ditubuhkan sebuah universiti, yang dikenali dengan nama dan gelaran “Universiti Teknologi Brunei” dan dengan nama dan gelaran itu menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun.”.

Pindaan bab 9

6. Bab 9 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Institut” dari baris akhir kedua dan menggantikannya dengan “Universiti”.

Pindaan bab 28

7. Bab 28 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong “Institut” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “Universiti”;

(b) dalam cerai (2), dengan memotong “Institut” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “Universiti”.

Pindaan Jadual

8. Jadual kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam perenggan 1 —

(i) dalam perenggan kecil (1), dengan memotong “Institut” dan menggantikannya dengan “Universiti”;

(ii) dalam perenggan kecil (2), dengan memotong “Institut” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “Universiti”;

(b) dalam perenggan 47(1), dengan memotong “Institut” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “Universiti”.

Pindaan Akta

9. Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Institut” di mana sahaja perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan “Universiti”.

Perkecualian kontrak dll.

10. Semua kontrak, perjanjian, pemindahan hak, waad, penyelesaian, amanah, surat ikatan, pajakan, lesen dan surat cara atau aku janji lain yang diikat oleh atau dibuat dengan atau ditujukan kepada Institut Teknologi Brunei atau yang Institut Teknologi Brunei adalah suatu pihak kepadanya (sama ada bersendirian atau dengan mana-mana orang lain) dan berkuat kuasa sebelum atau pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, mulai dari tarikh itu, terikat dan mempunyai kuat kuasa dan kesan penuh dalam segala hal terhadap atau untuk faedah Universiti Teknologi Brunei dengan sepenuhnya dan sesungguhnya seolah-olah, sebagai ganti Institut Teknologi Brunei, Universiti Teknologi Brunei adalah suatu pihak kepadanya atau terikat olehnya atau berhak mendapat manfaatnya.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 26 haribulan Januari, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM